



PEKELILING MAJIKAN BIL. 6/97

**BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR 100% DARIPADA KOS LATIHAN YANG
DIBENARKAN JIKA MAJIKAN MELATIH SEMULA DAN MENINGKATKAN
KEMAHIRAN PEKERJA YANG DILANTIK DARI KALANGAN "RURAL UNDER
EMPLOYED WORKERS"**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan bahawa majikan layak mendapat bantuan kewangan pada kadar seratus peratus (100%) daripada kos latihan yang dibenarkan apabila melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja yang dilantik dari kalangan "rural under-employed workers".

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekerja-pekerja yang ditaksirkan sebagai "rural under-employed" seperti penoreh getah, nelayan dan termasuk suri rumah adalah digalakkan diambil bekerja sekurang-kurangnya sebagai pekerja separuh masa oleh majikan. Langkah ini adalah sebagai usaha mengurangkan ketegangan dalam pasaran buruh (tight labour market) dan juga meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja terlibat.
- 2.2 Latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja-pekerja berkenaan adalah diperlukan supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna mengikut kehendak jawatan mereka. Menyedari hakikat ini, Majlis telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan pada kadar 100% daripada kos latihan yang dibenarkan jika majikan melatih pekerja-pekerja yang dilantik dari kalangan "rural under-employed" berkenaan.

3. KELAYAKAN MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR 100%

- 3.1 Pekerja-pekerja dilantik dari kalangan "rural under-employed" hendaklah sekurang-kurangnya sebagai pekerja separuh masa yang dikehendaki bekerja mengikut waktu kerja yang tidak kurang daripada 4 jam sehari sama ada bekerja di sebelah pagi, petang, malam dan sebagainya.
- 3.2 Penganggur-penganggur atau individu yang diambil bekerja oleh majikan sebagai pekerja sepenuh masa (full time), majikan tidak berkelayakan mendapat kemudahan ini dan bagi latihan kepada mereka, majikan berkelayakan mendapat bantuan kewangan mengikut kadar yang digunakan sekarang iaitu 80% bagi kemahiran teknikal, kraf dan komputer, 75% bagi latihan berkaitan penyeliaan, kualiti, produktiviti, pengurusan dan lain-lain bidang kemahiran dan 50% bagi latihan di luar negeri.
- 3.3 Bagi kerja-kerja yang dilakukan di rumah atau di lain-lain tempat oleh suri rumah atau sesiapa sahaja, walaupun terdapat latihan kepada mereka, majikan tidak

berkelayakan mendapat bantuan kewangan kerana mereka bukan merupakan pekerja majikan seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

4. PROSEDUR PERMOHONAN GERAN LATIHAN

4.1 Pada masa mengemukakan permohonan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL), Pelan Latihan Tahunan (PLT), SBL Lulus dan Skim Latihan Bersama, majikan dikehendaki mengemukakan maklumat pelatih (peserta kursus) seperti di [Lampiran A](#).

5. PROSEDUR TUNTUTAN PEMBAYARAN GERAN LATIHAN

5.1 Pada masa mengemukakan tuntutan pembayaran Geran Latihan, prosedur berikut hendaklah dipenuhi oleh majikan: -

(a) Para 5 borang tuntutan MPSM/T/93 (pin.95) hendaklah menggunakan format di [lampiran B](#) apabila mengemukakan tuntutan di bawah skim Bantuan Latihan, Pelan Latihan Tahunan, SBL Lulus dan Skim Latihan Bersama. Senarai kehadiran pelatih di para 8 borang MPSM/T/93 hendaklah mengemukakan format di [lampiran C](#).

(b) Para 3 borang MPSM/PRO/T/93 bagi tuntutan di bawah Skim Program Latihan Yang Diluluskan dan para 6 borang MPSM/PER/T1/94 hendaklah juga menggunakan format di lampiran B. Bagi senarai kehadiran MPSM/PRO/4/93 (Skim PROLUS) dan MPSM/PER/2/94 (Skim PERLA) bagi ruangan butir-butir pelatih format di lampiran C perlu digunakan.

6. PENUTUP

Pekeliling Majikan Bil. 6/97 ini berkuatkuasa mulai 01hb November 1997.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** "

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah Geran Latihan,
b.p. Ketua Pengarah, Majlis Pembangunan Sumber Manusia.



PENGESAHAN DARI PADA MAJIKAN - PEKERJA-PEKERJA YANG MENGIKUT LATIHAN ADALAH PEKERJA YANG DILANTIK DARI KALANGAN "RURAL UNDER - EMPLOYED"

1. NO. KOD MAJIKAN :	
2. NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN :	

3. Adalah disahkan bahawa pekerja-pekerja yang akan di latih ini adalah pekerja separuh masa yang dilantik dari kalangan "rural under-employed"

Gelaran Jawatan	Bil.Pekerja	Taraf Jawatan	
		Bil Berjawatan Tetap	Bil.Berjawatan Separuh Masa (4 jam lebih)
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.
.	.	.	.

4. Adalah disahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Nama : _____
 Gelaran Jawatan: _____
 Cop Rasmi Syarikat : _____
 Tarikh : _____



PERBELANJAAN LATIHAN OLEH MAJIKAN

KOD MAJIKAN : _____

A. LATIHAN DALAMAN

PERKARA	PECAHAN KOS PERBELANJAAN LATIHAN		JUMLAH (RM)
	JAWATAN TETAP	SEPARUH MASA	
Prorata Gaji Pengajar Dalaman	.	.	.
Kos Latihan Pengajar Luar/ Pengajar Luar Negeri	.	.	.
Elaun Makan Pelatih	.	.	.
Elaun Harian Pelatih	.	.	.
Kadar Ekonomi Tambang Kapal Terbang Pelatih Dari Cawangan	.	.	.
Bahan Latihan Guna Habis	.	.	.
Pakej Sewa Hotel	.	.	.
JUMLAH TUNTUTAN	.	.	.

B. LATIHAN LUARAN/LATIHAN LUAR NEGERI

PERKARA	PECAHAN KOS PERBELANJAAN LATIHAN		JUMLAH (RM)
	JAWATAN TETAP	SEPARUH MASA	
Yuran Latihan	.	.	.
Elaun Harian Pelatih	.	.	.
Kadar Ekonomi Tambang Kapal Terbang	.	.	.
Bahan Latihan Guna Habis	.	.	.
JUMLAH TUNTUTAN	.	.	.

3. Adalah disahkan bahawa pekerja-pekerja yang akan di latih ini adalah pekerja separuh masa yang dilantik dari kalangan "rural under-employed"

Gelaran Jawatan	Bil.Pekerja	Tarf Jawatan	
		Bil Berjawatan Tetap	Bil.Berjawatan Separuh Masa (4 jam lebih)
.	.	.	.
.	.	.	.

.	.	.
.	.	.
.	.	.

4. Adalah disahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Nama : _____
Gelaran Jawatan: _____
Cop Rasmi Syarikat : _____
Tarikh : _____



LAMPIRAN C

KOD MAJIKAN : _____

Bilangan pelatih yang telah menyempurnakan segala terma-terma dan syarat-syarat tuntutan geran latihan : _____ pelatih.

Bil	Nama Pelatih	No. Kad Pengenalan	Warganegara	Jantina	Taraf Jawatan *		Kehadiran **Melebihi 75 % (Ya/Tidak)	Kehadiran **Peperiksaan / Tidak Hadir / Tiada Peperiksaan
					Jawatan Tetap	Separuh Masa		
1.								
2.								
3.								
4.								
5.								
6.								
7.								
8.								
9.								
10.								

* Sila tandakan (/) di ruangan yang berkenaan.
** Untuk Skim PROLUS dan PERLA sahaja

